



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2008

**PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN
PEMERIKSA KERETA MOTOR GRED A17, A22, A26**

TUJUAN

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan mengenai perubahan skim perkhidmatan Pemeriksa Kereta Motor Gred A17, A22, A26 yang telah dilaksanakan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

LATAR BELAKANG

2. Skim perkhidmatan Pemeriksa Kereta Motor yang berkuat kuasa didapati terhad dari segi peluang kemajuan kerjaya. Keadaan ini menyebabkan skim perkhidmatan Pemeriksa Kereta Motor kurang menarik. Sehubungan itu, dengan mengambil kira skop fungsi tugas pemeriksaan kenderaan amat penting kerana ianya berkait rapat dengan aspek keselamatan jalan raya di samping keperluan menjadikan perkhidmatan Pemeriksa Kereta Motor lebih menarik serta untuk meningkatkan motivasi penyandang sedia ada, maka skim perkhidmatan ini ditambah baik.

3. Selaras dengan keputusan kerajaan supaya Ketua Perkhidmatan bagi Perkhidmatan Kejuruteraan di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) iaitu jawatan Jurutera, Pembantu Teknik dan Juruteknik diubah kepada Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia, maka kerajaan telah bersetuju untuk meminda skim perkhidmatan Pemeriksa Kereta Motor dengan memasukkan perbekalan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) ke skim perkhidmatan Pembantu Teknik Gred J29, J36, J38 di Jabatan yang sama memandangkan terdapat kesinambungan skop fungsi bidang tugas kedua-dua skim perkhidmatan tersebut khususnya melibatkan aspek teknikal kenderaan.

PERUBAHAN

4. Bagi memperuntuk peluang peningkatan ke gred lebih tinggi dalam struktur Perkhidmatan Kejuruteraan di JPJ, maka syarat KPSL dalam skim perkhidmatan berkaitan diubah bagi membolehkan pegawai dalam skim perkhidmatan Pemeriksa Kereta Motor Gred A17, A22, A26 dipertimbangkan KPSL ke jawatan Pembantu Teknik Gred J29. Selaras dengan peruntukan ini, skim perkhidmatan Pembantu Teknik juga turut dipinda untuk membolehkan Pemeriksa Kereta Motor dilantik secara KPSL ke perkhidmatan Pembantu Teknik.

5. Skim perkhidmatan Pemeriksa Kereta Motor Gred A17, A22, A26 dan skim perkhidmatan Pembantu Teknik Gred J29, J36, J38 yang telah dipinda adalah seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran A1**.

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2008.

PEMBATALAN

7. Dengan berkuat kuasanya pekeling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pemeriksa Kereta Motor dan Pembantu Teknik yang berkuat kuasa mulai 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002

digantikan dengan skim perkhidmatan dalam pekeliling perkhidmatan ini.

PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



(TAN SRI ISMAIL ADAM)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

4 Julai 2008

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMERIKSA KERETA MOTOR**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JULAI 2008

Gred	Jadual Gaji Matriks			
Gred A17	:	P1T1 RM829.45	-	P1T24 RM2178.66
		P2T1 RM882.39	-	P2T24 RM2299.69
		P3T1 RM936.84	-	P3T24 RM2425.14
Gred A22	:	P1T1 RM1735.44	-	P1T15 RM2866.82
		P2T1 RM1877.62	-	P2T15 RM3184.42
Gred A26	:	P1T1 RM2217.93	-	P1T9 RM3016.57
		P2T1 RM2431.19	-	P2T9 RM3302.39

- SYARAT LANTIKAN**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mempunyai pengalaman berkhidmat sebagai mekanik semua jenis kereta motor di jabatan-jabatan kerajaan atau firma-firma motor ternama; atau
 - sijil dalam bidang kejuruteraan jentera yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred A17: P1T9); dan

 - mempunyai Lesen Memandu Kelas B dan D yang sah dan bersih serta mempunyai pengalaman memandu selepas memiliki kedua-dua lesen tersebut selama tidak kurang daripada 1 tahun;

dan

 - lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

 - Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred A17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

 - Pemeriksa Kereta Motor Gred A17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

4. Pemeriksa Kereta Motor boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

5. Pemeriksa Kereta Motor Gred A17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

6. Pemeriksa Kereta Motor Gred A17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

8. Pemeriksa Kereta Motor hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED A22**

9. Pemeriksa Kereta Motor Gred A17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemeriksa Kereta Motor Gred A22 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED A26**

10. Pemeriksa Kereta Motor Gred A22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pemeriksa Kereta Motor Gred A26 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN KE
PERKHIDMATAN
PEMBANTU TEKNIK**

11. Pemeriksa Kereta Motor yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Teknik Gred J29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota : Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1 November 2002. [Lampiran B kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3Klt.2(3)]

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU TEKNIK**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JULAI 2008

Gred	Jadual Gaji Matriks			
Gred J29	:	P1T1 RM1549.40	-	P1T21 RM3046.80
		P2T1 RM1620.49	-	P2T21 RM3241.91
		P3T1 RM1694.60	-	P3T21 RM3430.90
Gred J36	:	P1T1 RM2733.69	-	P1T14 RM4486.69
		P2T1 RM2946.95	-	P2T14 RM4988.87
Gred J38	:	P1T1 RM3081.56	-	P1T12 RM4699.93
		P2T1 RM3294.82	-	P2T12 RM5188.52

- SYARAT LANTIKAN**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - warganegara Malaysia;
 - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - diploma dalam bidang kejuruteraan, seni bina atau ukur bahan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J29: P1T2);
 - dan
 - lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**
- Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik, Pelukis Pelan dan Pemeriksa Kereta Motor adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Teknik Gred J29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
 - Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred J29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
- PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

TEMPOH PERCUBAAN

4. Pembantu Teknik Gred J29 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

5. Pembantu Teknik boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/
PEPERIKSAAN**

6. Pembantu Teknik Gred J29 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

7. Pembantu Teknik Gred J29 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP
KECEKAPAN**

9. Pembantu Teknik hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED J36**

10. Pembantu Teknik Gred J29 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Teknik Gred J36 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
KE GRED J38**

11. Pembantu Teknik Gred J36 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Teknik Gred J38 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
ARKITEK, JURUTERA,
JURUUKUR BAHAN,
PEGAWAI PEMERIKSA PATEN**

12. Pembantu Teknik yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Arkitek Gred J41 atau Jurutera Gred J41 atau Juruukur Bahan Gred J41 atau Pegawai Pemeriksa Paten Gred Q41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan berkenaan.

Nota : Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1 November 2002.
[Lampiran B kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3Klt.2(3)]